

28/06/2002

BN mampu menang jika guna strategi betul: Muhyiddin

KOTA KINABALU, Khamis - Barisan Nasional (BN) mampu merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang pada pilihan raya kecil akan datang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata matlamat itu mampu dicapai sekiranya BN menggunakan strategi yang betul dan berkesan.

Beliau berkata, kedua-dua kawasan yang dikuasai Pas akan dipertahankan parti itu menggunakan pelbagai sentimen bagi meraih sokongan rakyat.

"Tetapi kalau kita dapat mengatur strategi betul, tidak mustahil ia dapat dilakukan," katanya selepas melancarkan Mahkamah Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) Kota Kinabalu di Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di sini, hari ini.

Pilihan raya kecil DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah itu diadakan berikutan kematian penyandang kedua-dua kerusi itu yang juga Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Ahad lalu.

Pada pilihan raya umum lalu, Fadzil menewaskan calon BN bagi kerusi Anak Bukit, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin dengan majoriti 1,840 undi, manakala Datuk Othman Abdul (BN) bagi kerusi Pendang, majoriti 2,934 undi.

Sehingga hari ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih belum menetapkan tarikh penamaan calon serta hari pengundian bagi kedua-dua kerusi itu.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna juga yakin BN mampu menangkis semua isu dibangkitkan parti lawan, termasuk isu negara Islam dan hudud.

Katanya, isu lain yang dianggap menyebelahi pembangkang juga sudah lama diperjelaskan kepada rakyat dan jangka tidak menimbulkan banyak masalah.

"Isu yang lazimnya dibangkitkan Pas ini sudah lama kita jawab dan hasilnya positif. Berdasarkan perkembangan semasa, kita dapat lihat rakyat turut memberi sokongan padu serta penghormatan tinggi kepada Perdana Menteri," katanya.

Muhyiddin juga tidak menolak peralihan kuasa kepemimpinan negara mungkin menjadi faktor penting kepada rakyat membuat pertimbangan pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu.

Katanya, ini jelas dilihat apabila pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno, Sabtu lalu menimbulkan kejutan bukan saja kepada kepemimpinan negara malah segenap lapisan rakyat.

"Kita harap mereka (pengundi di DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang) akan menterjemahkan sokongan padu itu dengan memilih BN pada pilihan raya kecil itu nanti," katanya.

Muhyiddin turut menolak tanggapan pilihan raya kecil itu ujian besar kepada bakal kepemimpinan baru kerajaan dan parti.

"Semua pilihan raya kecil atau besar adalah ujian besar kepada kami. Kita mahu menang dan apabila peralihan itu diumumkan, rangka kerja bukan saja untuk kepentingan Umno malah rakyat negara ini," katanya.

(END)